

Menyerajui penyelidikan barangan yang sesuai

Malaysia perlu dahului negara2 tropika – PM

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Malaysia perlu mendahului negara - negara tropika dalam penyelidikan untuk menghasilkan barangan yang sesuai dengan iklim tropika.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, selama ini banyak kajian dijalankan di negara - negara yang mempunyai empat musim dan ia tidak sesuai dengan keadaan di negara ini.

"Sebenarnya kita perlu memperbanyakkan penyelidikan dan menentukan barang - barang baru dicipta oleh kita sendiri," katanya ketika berucap di majlis makan malam sempena ulangtahun ke-15 SIRIM di sini malam ini.

Beliau berkata, Malaysia mampu menjalankan penyelidikan sendiri kerana mempunyai kemudahan yang cukup serta ahli saintis yang berwibawa.

"Sudah sampai masanya kita memikirkan barangan yang sesuai untuk negara kita sendiri," ujarnya.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, para penyelidik juga harus sentiasa mengamalkan sikap ingin tahu kerana ia dapat menghasilkan penyelidikan yang baik.

Sambil menyatakan bangganya terhadap kejayaan SIRIM selama 15 tahun, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, perlu ada

keseragaman piawaian barangan yang sama jenis bagi mengelakkan pengguna terkeliru dan tertipu.

Bagaimanapun, kata beliau, institusi itu tidak boleh berpuas hati dengan piawaian yang ditetapkan untuk sesuatu barangan.

"Kualiti setiap barangan yang memenuhi piawaian itu tidak semestinya berada di tahap yang sama tetapi mestilah bertambah baik," tambah beliau.

Dipilih

Untuk mencapai matlamat itu, katanya, piawaian barangan itu juga mestilah ditingkatkan mengikut keperluan semasa.

"Dengan itu, kualiti kehidupan akan meningkat dan pengguna akan dapat menggunakan barangan yang semakin baik," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis SIRIM, Dato' Mohd. Noordin Hassan dalam ucapannya berkata, dua minggu lalu institusi itu dipilih menduduki majlis tertinggi Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) buat pertama kalinya semanjak menjadi ahli dalam tahun 1969.

Di samping itu, katanya, mulai November tahun lalu,

SIRIM telah diterima sebagai ahli International Electrotechnical Commission (IEC) yang membolehkannya mengawasi kepentingan negara dalam

pengeluaran dan perdagangan barangan elektrik di peringkat antarabangsa.

Di majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan anugerah

SIRIM kepada 25 syarikat dari seluruh negara dan melancarkan promosi kualiti yang dianjurkan oleh SIRIM dan Shell Malaysia.